

Terengganu lepasi sasaran emas kanu

PADANG BESAR - Satu rekod kebangsaan dan dua rekod temasya dipecahkan menerusi acara kanu semalam oleh skuad Terengganu yang meneruskan penguasaan mereka di Kompleks Air Timah Tasoh.

Terengganu menyambar empat pingat emas daripada enam yang ditawarkan sekali gus untuk muncul pasukan paling gagah dalam sukan itu.

Malah Terengganu membuktikan mereka berada dalam kelas tersendiri apabila memperbaharui rekod kebangsaan dalam acara K4 400 meter wanita yang menjadi penyumbang pingat emas dengan masa 1 minit 59.12 saat,



memadamkan rekod lama 2:00.420s pada tahun 1997.

Mereka turut memperbaharui dua rekod Sukma menerusi acara K2 500 meter lelaki dan wanita dalam laluan meraih emas.

Pasukan lelaki mereka mencatat masa 1:44.97s manakala wanita dengan 2:09.78s, masing-masing memadamkan rekod lama 1:46.336s dan 2:11.460s.

Satu lagi emas Terengganu hadir dalam acara K1 500m wanita dengan masa 2:40.39s.

Ketua Kontinjen Terengganu, Mohd. Mahdi Musa berkata, pencapaian skuad kanu dianggap cemerlang kerana berupaya meraih

sembilan emas sepanjang dua hari sukan itu berlangsung sekali gus mengatasi sasaran lapan yang ditetapkan.

"Saya percaya Terengganu mampu meraih lebih banyak lagi emas dalam sukan kanu memandangkan prestasi di tahap luar biasa dipamerkan oleh semua atlet kanu dan sekiranya mereka dapat meraih lebih banyak emas sudah tentu ada ganjaran menanti mereka," kata Mohd. Mahdi.

Sementara itu, Wilayah Persekutuan yang meraih emas dalam acara K4 500m lelaki turut memadamkan rekod kebangsaan.

Mereka menamatkan saingan akhir acara itu dengan catatan 1:37.830s, meleburkan rekod lama 1:37.100s.



PASUKAN kanu wanita Terengganu sedang mendahului pencabar mereka dalam laluan memenangi Timah Tasoh di Padang Besar semalam. Skuad Terengganu turut memecahkan rekod kebangsaan.